

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN**

KEMENTERIAN/ JABATAN: KEWANGAN/ JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

Bil.	Keterangan aset	Kuantiti	Harga Simpanan (RM)	Deposit sebut harga
1	LOT 1 :TOYOTA ALPHARD DBA-ANH20W(A) No. Pendaftaran: WA7843A	1 unit	24,000.00	5% dari harga tawaran atau maksimum RM 5,000.00
2	LOT 2 :JIP NISSAN,XTRAIL 4WD 2.5L A/T No Pendaftaran :WUT 445	1 unit	5,000.00	5% dari harga tawaran atau maksimum RM 5,000.00

1. Aset Lot 1 hingga Lot 2 boleh dilihat pada 20 September 2023 hingga 03 Oktober 2023 di antara jam 9.00 pagi hingga 1:00 petang di lokasi berikut:

i) Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Stor Pusat, Jalan Berlian 1,
Taman Berlian
43800 Dengkil,Selangor.

2. Tawaran tersebut boleh dibuat dengan menggunakan **Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Kerajaan (KEW.PA 28)** yang boleh diperolehi di alamat seperti di Para 3 atau melalui laman web rasmi Jabatan. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari dari tarikh tawaran sebut harga ditutup atau sehingga keputusan dikeluarkan mana yang terdahulu.

3. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan ditanda No. Sebut harga **ASET 04/2023** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat:

**Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Cawangan Logistik, Aras 8 Utara
No. 3, Kompleks Kementerian Kewangan
Persiaran Perdana, Presint 2
62596 Putrajaya**

4. Bagi memudahkan urusan untuk melihat kenderaan tersebut bolehlah menghubungi Tuan Abu Bakar Bin Ibrahim di talian 03-88822760 atau Encik Jaafar As Siddiq Bin Rahman di talian 03-88822604 pada waktu pejabat.
5. Tarikh tutup sebut harga pada **03 Oktober 2023 jam 12:00 tengah hari**. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.



(ZURAIIDI BIN HUSAIN)

Pengarah

Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia

b.p Ketua Pengarah Kastam

MALAYSIA.

SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran atau maksimum RM 5,000.00 bagi setiap aset. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk kiriman wang/wang pos / draf bank atau *Cashier's Order* sahaja atas nama **Ketua Pengarah Kastam Malaysia**.
3. Satu keping deposit adalah untuk satu aset sahaja.
4. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
5. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is-basis*).
6. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
7. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pemberitahuan keputusan secara bertulis. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk menarik balik tawaran tersebut.
9. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.
10. Jabatan Kastam Diraja Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran tertinggi. Segala keputusan adalah muktamad dan sebarang surat menyurat tidak akan dilayan.
11. Penyebutharga perlu mengemukakan salinan Kad Pengenalan bagi individu atau Salinan Pendaftaran Syarikat (SSM) yang masih berkuatkuasa bagi syarikat serta salinan muka hadapan buku bank/ cetakan penyata bank bagi tujuan pemulangan deposit jika pembida tidak berjaya.
12. Penyebutharga dikehendaki untuk mengisi Borang Sebutharga Pelupusan Aset Kerajaan (KEW.PA-28) dengan lengkap sebelum dikembalikan dalam tempoh yang ditetapkan. Penghantaran borang yang tidak lengkap atau lewat boleh menyebabkan tawaran tidak dipertimbangkan.

Pekeliling Pebendaharaan Malaysia

AM 2.7 Lampiran J

KEW.PA-28

BORANG SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET ALIH

Nama Individu/ Syarikat:

No. Kad Pengenalan/ Pendaftaran Syarikat:

Alamat:

Kepada:

**Cawangan Logistik,
Aras 8 utara
Ibu Pejabat, Jabatan Kastam Diraja Malaysia,
Komplek Kementerian Kewangan No 3,
Persiaran Perdana,
Presint 2,
62596, Putrajaya**

Tuan,

Tawaran Untuk Sebut Harga No. **04/ 2023**

Merujuk kepada perkara di atas, saya/ syarikat saya berminat menyertai sebut harga tersebut.

2. Tawaran saya/ syarikat saya adalah seperti berikut:

Bil.	Keterangan Aset	Kuantiti	Harga Tawaran (RM)	Deposit Sebut Harga

3. Bersama-sama ini disertakan deposit sebut harga (sebanyak 5% daripada harga tawaran aset di atas atau RM5,000.00 mengikut mana yang terendah) yang bernilai RM_____ (Ringgit Malaysia _____) dalam bentuk Wang Pos/ Draf Bank, No. _____ atas nama **KETUA PENGARAH KASTAM MALAYSIA.**

4. Saya/ syarikat saya memahami dan bersetuju dengan semua syarat-syarat yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

Tandatangan :

Tarikh :

No. telefon (HP) :

No. telefon (Pejabat) :

Cap Syarikat :

*****Pastikan setiap butiran dalam borang ini diisi dengan LENGKAP menggunakan PEN HITAM dan HURUF BESAR***

***** Borang yang tidak diisi dengan lengkap akan ditolak***

***** Pastikan dokumen sokongan dikemukakan sekali dalam sampul surat yang sama dengan borang ini***

***** Satu borang hanya dibenarkan untuk satu Lot sahaja***

KERETA ALPHARD – WA 7843 A



